

Petani tertekan kenaikan cukai tanah

Tindakan kerajaan PKR, DAP dan PAS Selangor menaikkan kadar cukai tanah menyebabkan ramai petani di negeri itu semakin tertekan serta bimbang dengan nasib mereka yang semakin tidak menentu.

Perkara itu dibangkitkan Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang) ketika membahaskan usul Peruntukan Tambahan (Perbelanjaan Pembangunan) 2014 dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, semalam.

Katanya, sebagai contoh satu keluarga petani di Kuala Selangor yang terpaksa membayar cukai tanah berjumlah RM1.5 juta untuk tanah 0.6 hektar bagi tempoh pajakan 99 tahun, sekali gus menyebabkan keluarga petani itu merempat seumur hidup mereka.

“Keadaan itu berlaku apabila petani ini tadi memohon untuk memperbaharui tempoh pajakan tanah pertanian yang diusahakannya selepas tempoh pajakan selama 99 tahun hampir tamat.

“Permohonan mereka

ditolak oleh Pejabat Tanah dan Daerah kerana status tanah ini ditukar daripada status pertanian kepada bercampur atau perindustrian yang memerlukan mereka membayar cukai tanah yang tinggi iaitu RM1.5 juta,” katanya.

Diluar kemampuan petani

Sulaiman berkata, keadaan itu adalah di luar kemampuan seseorang petani yang kebanyakannya mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan.

“Sebelum ini iaitu ketika di bawah pentadbiran BN, mereka hanya dikenakan kadar cukai yang rendah ekoran tanah yang dipajak itu diberikan status pertanian,” katanya.

Sementara itu, Sulaiman turut mempersoalkan tindakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid yang meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM48 juta untuk pembinaan jambatan ketiga di Klang.

“Peruntukan ini sepatutnya tidak dimasukkan dalam bajet tambahan ini,

tetapi sudah dirancang dalam perbelanjaan awal kerana ia bukan projek baharu, sebaliknya pembinaan jambatan ini sudah lama dirancang.

“Malah, projek pembinaan jambatan itu hanya akan bermula pada Julai ini dan ia menimbulkan persoalan kenapa perlu bajet tambahan,” katanya.



Sulaiman membahaskan usul Peruntukan Tambahan (Perbelanjaan Pembangunan) 2014.